

MESEJ NASIONALISME DAN ISLAM DALAM SAJAK-SAJAK ZULKIFLI MUHAMMAD

NASIONALISM AND ISLAMIC MESSAGE IN ZULKIFLI MUHAMMAD POEMS

Zabidin Hj. Ismail¹

Abstrak

Kajian ini khusus menilai pemikiran Zulkifli Muhammad yang diungkapkan melalui 13 kuntum sajak beliau yang termuat dalam buku bertajuk *Pemikiran Bahasa dan Sastera Zulkifli Muhammad dari Perspektif Islam* karya Talib Samat terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2002). Tujuan kajian untuk memperlihatkan mesej utama yang terkandung di dalam sajak-sajak Zulkifli Muhammad. Walaupun jumlah sajak yang dihasilkan sedikit tetapi Zulkifli Muhammad berjaya meletakkan nasionalisme dan Islam sebagai mesej penting dalam sajak-sajaknya yang dianggap tema utama perjuangan kemerdekaan di negara ini. Kajian ini menggunakan kaedah semiotik dan intertekstualiti bagi meneliti mesej yang terkandung dalam sajak-sajak Zulkifli Muhammad yang berkisar tentang nasionalisme dan Islam sejajar dengan persoalan yang berkaitan dengan kedaulatan negara, penjajahan, antikolonialisme, kemerdekaan serta pembentukan negara bangsa (*nation state*) merupakan topik kontemporari yang dibicarakan sepanjang masa.

Kata kunci: Zulkifli Muhammad, puisi Islam, pejuang politik, pejuang kemerdekaan, nasionalisme.

¹ Calon PhD di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

Abstract

This study specifically evaluate Zulkifli Muhammad's thought through his 13 poems enclosed in Talib Samat's book titled Pemikiran Bahasa dan Sastera Zulkifli Muhammad dari Perspektif Islam published by Dewan Bahasa dan Pustaka (2002). The purpose of the study is to know what are the key messages in Zulkifli Muhammad's poems. Even though he is not a very prolific poet, Zulkifli managed to put nationalism and Islamic thought as dominant messages. By using semiotic and intertextuality methods, it is found that nationalism and Islamic thought are the only main theme debated in his poem which is consistent with contemporary issues such as sovereignty, colonialism, anti-colonialism, independence and nation state.

Keywords: Zulkifli Muhammad, Islamic poem, political activist, independence fighter and nationalism.

Pengenalan

Buku *Pemikiran Bahasa dan Sastera Zulkifli Muhammad dari Perspektif Islam* (PBSZMDPI) karya Talib Samat telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2002. Walaupun buku ini tergolong dalam genre biografi² tetapi skop pembicaranya³ agak terbatas, hanya mengupas pemikiran Zulkifli Muhammad (ZM) dalam

² Istilah biografi ditakrifkan sebagai riwayat atau kisah hidup seseorang (*Kamus Dewan*, 1994 : 163). Menurut A Rahim Abdullah pula biografi adalah sebahagian dari histrografi sifatnya begitu kronologis (dlm. Talib Samat 1990 :v). Justeru tafsiran bebas bermaksud rakaman cerita yang meliputi asal usul, latar belakang dan pengalaman seseorang secara kronologi atau sebaliknya. Lazimnya rakaman ini berkisar mengenai kisah hidup seseorang yang tersohor kerana bidang kepakarannya yang bertujuan untuk diteladani generasi pasca eranya atau sebagai bahan sejarah – bukan sahaja untuk renungan tetapi menjadi bahan rujukan.

³ Dalam konteks karya biografi, penulisan mengenai seseorang tokoh itu adalah berdasarkan fakta benar yang ditulis dalam bentuk prosa, akademik, berstruktur serta mempunyai gaya tersendiri dalam usaha menarik minat awam untuk membaca dan menghayatinya. Justeru maksud berstruktur ialah dengan menampilkan cerita mengikut kronologi sejarah kehidupan seseorang atau sebaliknya. Manakala gaya tersendiri pula disampaikan melalui corak penulisan kreatif yang memerlukan daya imaginasi penulis yang tinggi lagi berseni. Buku biografi juga digolongkan dalam kelompok karya akademik kerana dapat digunakan untuk kajian sains sosial, apatah lagi penulisannya bersandarkan penyelidikan keperpustakaan, wawancara dan sebagainya di samping memaparkan unsur-unsur kajian seperti bibliografi, nota kaki, nota hujung, gambar serta dokumen sejarah yang sekali gus meletakkan tarafnya sebagai karya ilmiah yang condong kepada penyampaian bercorak non-kreatif dan terlalu akademik sifatnya.

konteks bahasa dan sastera. Justeru ia tidak merakam dan memperlihatkan tentang kebolehan, kemahiran dan kepakaran tokoh *per se* dalam bidang lain seperti politik, perjuangan kebangsaan, penulisan, keagamaan serta pengucapan awam yang menjadi tunjang ketokohan ZM.

Pada umumnya, buku ini membicarakan ketokohan ZM sebagai intelektual Melayu yang telah menyumbangkan pemikiran positif dalam aspek perkembangan bahasa dan sastera nasional sewaktu hidupnya.

Namun dalam hal ini bukanlah tujuan penulis untuk menonjolkan kelemahan dan kekurangan buku tersebut dari segi pembikinan sebuah karya biografi tetapi sebaliknya akur bahawa pengarang PBSZMDPI hanya berhasrat untuk mendedahkan ketokohan ZM dalam bidang bahasa dan sastera yang sememangnya telah banyak berjasa dalam melakar sejarah perkembangan kedua-dua bidang tersebut di negara ini.

Hakikatnya, PBSZMDPI boleh digolongkan sebagai buku biografi berfokus kerana persesembahannya terarah kepada suatu bidang tertentu yang telah disumbangkan oleh tokoh tersebut iaitu bahasa dan sastera. Lantaran itu bagi membuktikan keterlibatan ZM dalam bidang sastera, Talib Samat telah memuatkan sebanyak 13 kuntum sajak karya beliau ke dalam PBSZMDPI dan sajak-sajak ini dijadikan sampel kajian bagi penyelidikan ini. Tajuk sajak-sajak tersebut adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah ini:

Jadual 1: Senarai sajak yang terkandung dalam buku *Pemikiran Bahasa dan Sastera Zulkifli Muhammad dari Perspektif Islam* sebagai sampel kajian.

Bil	Tajuk	Muka Surat
1	Alangkah Indahnya	171-172
2	Seruan Pemuda	172-173
3	Edaran Dunia	173-174
4	Zaman yang Kurindui	174
5	Oh Penuntut	174-175
6	Tahun Baharu	175-176
7	Watanku Indah	176-177

8	Penderitaan Kita	177-178
9	Jasamu Oh Guru	178-179
10	Bangunlah	179
11	Derita	180
12	Aku Merintih	180-183
13	Aku Hamba Tuhaniku	183-184

ZM sebenarnya memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk persuratan. Malahan bidang penulisan yang diceburi ZM tidak hanya tertumpu terhadap genre kesusasteraan seperti sajak semata-mata, tetapi melebar kepada penulisan buku bercorak agama antaranya; *Masyarakat dan Syariat* (1953), *Pegangan Hidup Umat Islam* (1963) dan *Analisa Tentang Beberapa Masalah Hidup Manusia* (1968) di samping menulis esei untuk majalah dan akhbar yang mengupas pelbagai isu dan persoalan masyarakat Melayu pada zaman kontemporari.

Dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden, ZM mula dikenali pada tahun 1946 (Mokhtar Petah, 2010: 59) kerana sajak-sajaknya tersiar di majalah *Medan Masyarakat* yang diterbitkan di Pulau Pinang, *Mastika*, *Qalam*, *Penghidupan*, *Pembangunan*, *Hiboran* serta akhbar *Majlis* yang berpusat di Kuala Lumpur.

Justeru bertolak daripada kandungan PBSZMdPI yang melampirkan sebanyak 13 kuntum sajak karya ZM⁴ yang pernah tersiar dalam beberapa media cetak sekitar tahun 1946 – 1961 telah merangsang penulis untuk menyelongkar pemikiran beliau yang terungkap dalam sajak-sajak berkenaan. Faktor ini didorong juga oleh tanggapan Robert C. Pooley yang menyifatkan bahawa;

“Orang yang menutup telinga terhadap puisi akan terpencil dari suatu wilayah yang penuh harta kekayaan berupa pengertian manusia, pandangan perseorangan, sensitiviti yang menonjol; oleh itu, upaya yang dituntut untuk memahami serta menghayati puisi menjadi sama pentingnya dengan upaya yang dituntut oleh setiap bentuk kehidupan manusawi lainnya”

(Henry Guntur Tarigan, 1984: 2)

⁴ Puisi-puisi tersebut kemudiannya dibukukan dalam antologi *Gema Suci* (1975), *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957* (1988) dan *Mengenang-Mu* (1989)

Tambahan pula, ZM juga merupakan seorang pemikir bangsa, justeru saluran pemikiran itu barangkali telah “dialirkan” melalui sajak-sajaknya; sesuai apa yang diutarakan oleh H.B. Jassin, seorang peneliti dan pengkritik kesasteraan Indonesia yang menafsirkan erti sekuntum puisi seperti berikut:

“Puisi adalah pengucapan dengan perasaan yang di dalamnya mengandungi fikiran-fikiran dan tanggapan-tanggapan”

(H.B Jassin, 1953: 66)

Pemikiran yang bagaimana? Tentu sekali pemikiran positif yang mencerminkan ketokohan ZM sama ada sebagai seorang intelek atau pejuang kemerdekaan negara yang lahir daripada sikap dan tekad perjuangan yang terpancar daripada kalbu seseorang penyair.

Teori dan Kaedah

Pembicaraan tentang pemikiran yang terkandung dalam sajak-sajak ZM bererti membicarakan dan menilai dunia pengalaman beliau di luar teks genre sastera itu. Ada hubungan simbiosis antara penyair dengan karya atau antara teks kajian dengan teks sosial. Ini bermakna bagi memahami pemikiran ZM dalam sampel kajian, satu kerangka penyelidikan yang bersifat teorikal dijadikan landasan bagi mengenali-pasti pemikiran beliau dengan pembuktian bersifat teoretik dan normatif⁵.

Kerangka penyelidikan yang dimaksudkan ialah dengan pengaplikasian teori sastera budaya atau *cultural studies theory* yang relevan dengan skop kajian kerana teori tersebut berupaya dieksplor untuk melihat hubungan antara teks, pengarang/pembaca (khalayak) dengan budaya seperti mana yang diutarakan oleh Alan Sinfield (1992: 291) bahawa teori ini mengkaji segala tindakan manusia memasuki dan membentuk masyarakatnya dengan menganalisis teks daripada pelbagai aspek budaya dan sosial.

⁵ Teoretik dan normatif di sini bermaksud pendirian atau kesimpulan yang tidak semestinya berdasarkan kepada fakta atau data yang diperoleh secara sistematis dan objektif, sebaliknya ia didasarkan kepada keyakinan dan kepercayaan tentang apa yang ditanggapi sebagai benar.

Teori ini sangat mementingkan fungsi karya dan hubungan dengan khalayaknya yang menekankan penilaian dari sudut budaya. Justeru menurut Alan Sinfield penggunaan kaedah semiotik dan intertekstualiti adalah bersesuaian bagi mengaplikasikan teori tersebut. Kaedah semiotik yang dimaksudkan oleh Alan Sinfield ialah mencari makna yang tersembunyi di sebalik pertandaan (simbol/perlambangan) yang terdapat di dalam sesuatu karya sastera itu.

Manakala dalam mencari makna menerusi kaedah semiotik harus juga digandingkan dengan kaedah intertekstualiti. Kaedah ini ialah melihat hubungan antara teks, pengarang atau khalayak yang membentuk budaya dan sosial tersebut. Kaedah intertekstualiti jelas dinyatakan oleh (Chamberlain et al., 1994: 117) bahawa “... *a correlation between text and the world or text and subject or figurative texts of inherently legible discourse that define our culture*” yang dapat menyimpulkan bahawa teori sastera budaya itu telah membuka ruang kepada kajian budaya yang lebih mendalam, menyeluruh dan sistematik terhadap teks sastera (Mana Sikana, 2005: 443).

Kerangka penyelidikan yang berlandaskan teori sastera budaya dengan menggunakan kaedah semiotik dan intertekstualiti merupakan instrumen penting dan tepat bagi menilai pemikiran ZM tentang pelbagai isu dan persoalan yang berhubung dengan budaya masyarakatnya.

Mengenal Zulkifli Muhammad

ZM meninggal dunia pada 6 Mei 1964 ketika berusia 37 tahun. Beliau terbunuh dalam satu nahas jalan raya di Kuantan, Pahang. Kemalangan tersebut turut mengorbankan isterinya, Ustazah Asiah Kamarudin.

ZM dikenali oleh sejarah sebagai ulama, penulis, pemikir, politikus dan pejuang Islam adalah tokoh yang sukar ditandingi dalam banyak hal meskipun hayatnya begitu singkat sekali. Sasterawan Negara Allahyarham Usman Awang sendiri mengakui bahawa ZM adalah seorang penyair berbakat. Kata Usman Awang;

“Ya, Prof Zulkifli adalah juga seorang penyajak yang sekali sekala kita lihat mempunyai tema kebangsaan dan keagamaan yang sama kuat dan berpengaruh.”

(A.Karim Abdullah dan Abu Zaki Fadzil 1975: 7)

Selaku penyair, ZM menulis di akhbar dan majalah seperti *Majlis*, *Utusan Melayu*, *Medan Masyarakat* dan *Kencana*. Seangkatan dengan Tongkat Warrant, Burhan Md. Yaman, A. Samad Said, Mariam Abdul Ghani, Siti Aishah dan beberapa lagi, ZM menggarap puisinya dengan tema gerakan kebangsaan menuntut kemerdekaan selain keagamaan. Beliau menyampaikan fikirannya kepada masyarakat menerusi sajak selain daripada ceramah mahupun penulisan buku dan eseи.

Latar Belakang dan Pendidikan

ZM lahir pada 22 Mac 1927 sebagai anak kedua daripada 10 adik-beradik di Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak. Bapanya Muhammad Arshad, seorang kerani besar Rumah Sakit Umum, Kuala Kangsar manakala ibunya bernama Hajjah Arbiah. Ketika berusia dua tahun, ZM diserang penyakit polio hingga menyebabkan sebelah tangan dan kakinya lumpuh. Namun kecacatan itu tidak mematahkan semangatnya untuk berjaya dalam bidang pelajaran.

Beliau mula bersekolah ketika berusia empat tahun enam bulan. Setelah tamat darjah lima (darjah tertinggi sekolah Melayu ketika itu), ZM melanjutkan pelajaran ke sekolah agama rakyat di Madrasah Aziziah, Parit hingga tahun 1937.

Menurut Mokhtar Petah (1983) dalam bukunya bertajuk *Zulkifli Muhammad: Pelopor Angkatan Islam di Malaysia*, kegigihan dan kecerdasan Allahyarham terus diperlihatkan ketika menuntut di Madrasah Aziziah;

“Dalam sekolah agama itu, Zulkifli salah seorang pelajar pintar dan dia boleh bertutur bahasa Arab dengan baik. Kerana kepintarannya, kawan-kawan sedarjahnya selalu meminta tunjuk ajar segala mata pelajaran yang mereka tidak faham.” (hlm.: 7-8)

Kecerdasan ZM terserlah apabila beliau berjaya dalam ujian kelayakan bagi memasuki kelas tinggi Islam (*al-aliah*) di Maahad Al-Ehya Al-Syarif (MAEAS), Gunung Semanggol, Perak. Walau bagaimana pun penubuhan kelas itu dibatalkan oleh mudir maahad, Sheikh Abu Bakar Al-Bakir kerana semua calon yang memasuki ujian kelayakan telah gagal kecuali ZM.

Meskipun tidak dapat belajar di MAEAS, ZM tidak berputus asa sebaliknya belajar bersendirian dengan Mufti Kerajaan Perak, Ismail bin Hamzah di Simpang Penaga, Taiping yang kemudiannya menasihatkan ZM agar melanjutkan pelajaran ke Mesir.

Akhirnya, pada tahun 1947 beliau diterima belajar di fakulti undang-undang Universiti Al-Azhar, Mesir. Sewaktu belajar di sana beliau pernah menjadi Yang Dipertua Persekutuan Putera-putera Semenanjung Mesir di samping menjadi pegawai Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu dan Indonesia. Ini memberi kesempatan kepadanya berdamping rapat dengan ramai pelajar Asia Tengah.

Malang menimpa ZM di Mesir, pada tahun 1950 dia terpaksa pulang ke tanah air kerana mengidap sakit buah pinggang. Namun, sebelum kembali ke tanah air beliau sempat memasuki fakulti pendidikan di Universiti Amerika, Kaherah. Namun begitu, tiada sekeping ijazah pun yang dapat dibawanya pulang.

Sekembali di tanah air, beliau turut bersama-sama Aminuddin Baki⁶, menggerakkan Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) sekitar tahun 1952 dan pernah menjadi Naib Yang Dipertua badan pelajar itu.

Kegiatan Politik

Kegiatan politik partisan bermula ketika menyertai UMNO pimpinan Dato' Onn Jaafar. Menerusi parti itu, beliau bersama-sama pejuang kebangsaan menentang gagasan Malayan Union (MU) tajaan Inggeris. Dalam UMNO, beliau pernah ditawarkan jawatan Setiausaha Agung peringkat pusat tetapi enggan, sebaliknya ZM meninggalkan UMNO setelah Parti Islam Semenanjung Tanah Melayu (PAS) ditubuhkan pada tahun 1955.

ZM mempunyai minat dan kecenderungan memperbaiki nasib bangsa Melayu dan pernah menceburkan diri dan bergerak cergas dalam Gerakan Perikatan Pemuda Melayu Perak sekitar tahun 50-an. Antara kata-kata nasihat ZM kepada bangsanya: "Kalau bangsa Melayu

⁶ Anak kelahiran Chemor, Perak dan beliau pernah menjadi Ketua Pengarah Pendidikan serta menerima jolokan sebagai Bapa Pendidikan Moden Malaysia.

tidak menyedari hakikat perjuangan, dalam masa yang tidak lama lagi bangsa Melayu akan tenggelam dalam gelombang bangsa yang menumpang.”⁷ Kemuncak kerjaya politiknya apabila dia dipilih sebagai Ahli Parlimen Bachok, Kelantan atas tiket PAS dalam Pilihan Raya Umum tahun 1959.

Sumbangan Pemikiran dan Bakat

Walaupun beliau seorang tokoh politik, semangat keislaman tidak pernah luntur bahkan kian menebal di dalam jiwa ZM. Ini terbukti, usahanya mengasaskan Kolej Islam di Johor Bahru. Apabila kolej itu berpindah ke Klang, Selangor pada tahun 1955, dua tahun kemudian dia dilantik menjadi pensyarah Kesusastraan Melayu, Perundangan, Tata Negara dan Kesusastraan Arab.

ZM turut menyumbangkan buah fikiran dalam penubuhan DBP yang tercusus ketika Kongres Kesusastraan dan Bahasa Melayu (Khadijah Mohd Hambali 1990: 138). Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Universiti Malaya bagi penggal tahun 1960-1961.

ZM sangat aktif di bidang penulisan, pendidikan, politik dan keagamaan. Beliau juga tersohor sebagai pemidato yang tiada tolok banding di zamannya. Hal ini diperlihatkan oleh ZM pada 19 Ogos 1963 di Parlimen ketika membahaskan *Malaysian Bill* (mengenai pembentukan Negara Malaysia) dengan mencipta sejarah bahawa satu-satunya anggota Dewan Rakyat yang mampu berucap dan berbahas melebihi empat jam.

Keistimewaan dan kekuatan pidato ZM dikatakan berisi dan bernalas yang mengandungi pemikiran, falsafah dan pandangan kontemporari yang disampaikan menggunakan laras bahasa sastera yang enak didengar. Keindahan bahasa yang digunakan sewaktu berpidato dan berucap tentunya terbentuk melalui pembacaan luas,

⁷ Apa yang dinyatakan oleh ZM itu telah sokong oleh Datuk Mohd Asri Hj Muda (Bekas Menteri Besar Kelantan / Menteri Kabinet Malaysia). Lihat A. Karim Abdullah dan Abu Zaki Fadzil 1975. *Gema Suci Segugus Puisi Almarhum Prof Zulkifli Muhammad*. Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agency hlm. 3. Lihat juga Zabidin Hj. Ismail 2013. “Prof Dato’ Dr Zulkifli Muhammad: ulama, penulis, penyair, pemikir, politikus dan pejuang Islam”. Dlm. *30 Tokoh Tersohor Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Rasyaqierra Publication & Distributors hlm. 178

kefahaman serta penguasaan bahasa Melayu yang bermutu tinggi (Talib Samat, 2002: 158).

Di samping petah berpidato dan berhujah, ZM berkebolehan menulis dan berdakwah. Oleh kerana ZM mempunyai kebolehan yang berbagai, ini telah mendorong Universiti Saweregading, Jakarta, Indonesia untuk menganugerahkan Profesor Kehormat kepadanya pada 15 Julai 1957.

Kemudian pada tahun 1963, Universiti Islam Sumatera Utara, Medan, Indonesia pula menganugerahkan Doktor Kehormat setelah tesis beliau bertajuk *Analisa Tentang Beberapa Masalah Hidup Manusia* diperdebatkan oleh Lembaga Senat Universiti tersebut dan senat bersetuju bahawa tesis beliau itu telah mencapai tahap ijazah kedoktoran.

ZM sewaktu mudanya dikenali seorang pemuda alim dan progresif, berpegang kuat kepada al-Quran dan Hadis serta ajaran Islam itu telah menerima pengiktirafan mantan Menteri Luar Indonesia, Haji Agoes Salim dengan menyifatkan beliau sebagai putera Semenanjung Tanah Melayu yang akan menjadi tokoh setanding dengan pujangga Pakistan, Iqbal.

Namun begitu, belum pun sempat beliau menjadi seperti Iqbal, ZM terlebih dahulu dijemput oleh Allah SWT ke alam baqa sewaktu berusia 37 tahun tetapi dua bulan selepas kematiannya, Sultan Kelantan menganugerahkan pula darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato' iaitu pada 11 Julai 1964. Atas sebab itu, meskipun ZM telah meninggal dunia tetapi masyarakat masih mengekalkan gelaran penghormatan yang diterimanya dengan panggilan begini: Prof Dato' Dr Zulkifli Muhammad.

Analisis Pemikiran Zulkifli Muhammad dalam Sajak

ZM hanya sempat menulis 13 kuntum sajak sepanjang hayatnya. Kesemua sajak tersebut dirakam kembali dalam PBSZMDPI (Talib Samat, 2002: 171-184) yang sebelumnya pernah tersiar dalam beberapa media cetak seperti jadual 2 di bawah ini:

Jadual 2: Senarai sajak Zulkifli Muhammad yang tersiar dalam akhbar dan majalah sekitar tahun 1946-1961

Bil	Tajuk	Tarikh Siaran /Media
1	Alangkah Indahnya	26 Ogos 1946: <i>Majlis</i>
2	Seruan Pemuda	6 Sept 1946: <i>Majlis</i>
3	Edaran Dunia	10 Sept 1946: <i>Majlis</i>
4	Zaman yang Kurindui	Dis.1946: <i>Medan Masyarakat</i>
5	Oh Penuntut	14 Dis 1946: <i>Majlis</i>
6	Tahun Baharu	Januari 1947: <i>Medan Masyarakat</i>
7	Watanku Indah	Februari 1947: <i>Medan Masyarakat</i>
8	Penderitaan Kita	Mac 1947: <i>Medan Masyarakat</i>
9	Jasamu Oh Guru	(?): 1947 (<i>sumber: Gema Suci</i> (1975))
10	Bangunlah	(?): 1947 (<i>sumber: Gema Suci</i> (1975))
11	Derita	(?): 1947 (<i>sumber: Gema Suci</i> (1975))
12	Aku Merintih	Julai 1956: <i>Bingkisan LEPAS</i>
13	Aku Hamba Tuhanku	13 Jun 1959: <i>Utusan Melayu</i> 27 Mac 1961: <i>Berita Minggu</i>

Meskipun menghasilkan sebanyak 13 kuntum sajak dalam tempoh 15 tahun (purata tidak sampai sekuntum setahun), ZM beruntung kerana berjaya menempatkan nama dalam sejarah kesusastraan Melayu moden di negara ini kerana antara karyanya telah dimuatkan dalam beberapa kumpulan sajak seperti *Gema Suci* (1975), *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957* (1988) dan *Mengenang-Mu* (1989).

Justeru kajian ini tidak akan menilai ketokohan ZM sebagai penyair sebaliknya cuba menyelongkar khazanah pemikiran beliau yang disampaikan menerusi unsur-unsur intrinsik manipulatif yang dapat membentuk mesej atau pemikiran sekali gus dikaitkan dengan budaya dan sosial yang dialami penyair di luar teks.

Kajian mendapati bahawa dua aspek mesej iaitu nasionalisme dan Islam menunjangi korpus pemikiran yang dirakamkan dalam sajak-sajaknya. Dalam jadual 2 di bawah ini telah dicerakinkan sajak-sajak berdasarkan kedua-dua mesej tersebut. Daripada jadual tersebut

jelas diperlihatkan bahawa kandungan aspek pemikiran nasionalisme mendominasi sajak-sajak ZM berbanding aspek pemikiran keislaman.

Jadual 2: Kandungan Aspek Pemikiran dalam Sajak-sajak Zulkifli Muhammad

Bil	Tajuk	Aspek Pemikiran	
1	Alangkah Indahnya	Nasionalisme	
2	Seruan Pemuda	Nasionalisme	
3	Edaran Dunia	Nasionalisme	
4	Zaman yang Kurindui	Nasionalisme	
5	Oh Penuntut	Nasionalisme	
6	Tahun Baharu	Nasionalisme	
7	Watanku Indah	Nasionalisme	
8	Penderitaan Kita	Nasionalisme	
9	Jasamu Oh Guru	-	-
10	Bangunlah	Nasionalisme	
11	Derita		Islam
12	Aku Merintih		Islam
13	Aku Hamba Tuhanku		Islam

Konsep Nasionalisme

Istilah nasionalisme masih belum ada takrifan yang tepat dan lengkap. Kepayahan untuk mentakrifkannya barangkali disebabkan oleh sifatnya yang berbeza-beza dan berubah-ubah mengikut sejarah dan struktur sosial sesebuah negara. Perkataan Latin ini akarnya adalah *nation* yang berasal daripada aksara *natu* yang bermaksud *birth* atau *born* (Kapur A.C., 2004: 65) yang membawa makna sekelompok manusia yang berketurunan atau rumpun yang sama.

Nation atau bangsa lazim juga dimengertikan sebagai manusia yang bermastautin di negerinya sendiri (Deutsch, 1966: 17-18). Oleh itu *Nation* bermaksud sekumpulan bangsa yang hidup dalam satu wilayah yang bertutur dalam satu bahasa serta memiliki sifat-sifat politik atau bercita-cita untuk berpolitik.

Hans Kohn (1969: 19) dalam *The Idea of Nationalisme* mentakrifkan nasionalisme sebagai satu pemikiran kenegaraan yang melibatkan sejumlah majoriti penduduk yang mengenali negara bangsa mereka sebagai satu bentuk organisasi politik yang menyifatkan kewarganegaraan sebagai sumber utama kepada semua budaya tenaga dan ekonomi manusia.

Kesetiaan padu kepada negara bangsa pula adalah berdasarkan semangat kebangsaan demi kesejahteraan negaranya sendiri. Secara ringkasnya, nasionalisme bolehlah dikatakan suatu keadaan pemikiran yang membentuk sikap kesetiaan jitu warga terhadap negaranya. Nasionalisme juga boleh diertikan sebagai perasaan cinta yang mendalam bagi memelihara jati diri kebangsaan yang dapat dianggap sebagai satu ideologi sekumpulan manusia untuk memartabatkan kumpulan yang mereka anggotai.

Justeru itu, Smith (1977: 89) berpendapat bahawa nasionalisme adalah satu gerakan bersifat ideologi dalam mencapai, mengimbangi dan mencari kebebasan untuk memerintah sendiri serta setiap ahli membayangkan kumpulannya berpotensi menjadi satu bangsa yang bermaruah. Pandangan Smith ini diperjelaskan lagi oleh Ramlah Adam (1998: 109) dalam konteks tempatan (Malaysia) yang menyifatkan nasionalisme sebagai satu gerakan yang berorientasikan kepentingan politik dalam menuju pembentukan satu identiti kebangsaan.

Dalam konteks kajian ini, pandangan Smith dan Ramlah agak relevan dengan penyelidikan yang dilakukan terhadap mesej nasionalisme yang terkandung dalam sampel kajian.

Mesej Nasionalisme

Bagi pemikiran yang berkait dengan nasionalisme itu dapat dilihat dalam sajak berikut:

Bangunlah putera-puteri serentak memalu tambur
menyedarkan bangsa melaksanakan cinta murni luhur
membela agama bangsa nusa kampung halaman
sedarah daging senasib untung handai dan teman
bersatu daya berpadu tenaga memutus ikatan
mengubah nasib ‘azab penderitaan

(PBSZMDPI:178/“Penderitaan Kita”:
Medan Masyarakat: Mac 1947)

ZM mengajak masyarakatnya membela nusa kerana Tanah Melayu (kini: Malaysia) ketika itu di zaman penjajahan Inggeris. Apatah lagi gagasan MU diperkenalkan pada tahun 1946 ingin menjadikan Tanah Melayu sebagai *crown colony* bagi Inggeris. Hasrat Inggeris itu perlu dihapuskan agar tanah air tidak tergadai. Oleh itu ZM yang memiliki kesedaran politik telah menggunakan sajak dalam menyalurkan mesejnya ke khalayak sasar.

“Bangunlah putera-puteri serentak memalu tambur” adalah seruan terus terang ZM untuk mengajak para belia menyertai gerakan menentang MU yang diketuai Dato’ Onn Jaafar turut disertai ZM. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)⁸ dan United Malays National Organization (UMNO)⁹ telah ditubuhkan bertujuan membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah. Gelora menuntut kemerdekaan kian memuncak. Gesaan supaya bersatu tenaga membebaskan nusa daripada penjajahan merupakan mesej ZM dalam sajak ini.

Walaupun gerakan kebangsaan sudah menebal di dalam jiwa bangsa Melayu tetapi ZM masih tegar meniupkan semangat nasionalisme demi mengotakakan cita-cita pembebasan dan kemerdekaan watan. Menerusi *Tahun Baharu* (PBSZMDPI: 17 / *Medan Masyarakat: Januari 1947*) ZM mengungkapkan mesej nasionalismenya;

Oh...angkatan baharu
Dengan semboyan genderang
Alamat “Tahun Baharu” menjelang
Bangunlah bergerak maju
Tampil ke muka berjuang
Sepanjang Tahun Baharu gemilang

Seruan ZM kepada generasi muda agar mereka kuat semangat bagi meneruskan perjuangan membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan. Semangat nasionalisme ini terpancar dalam sajaknya berjudul *Seruan Pemuda* (PBSZMDPI: 172) yang dinyatakan begini;

⁸ Parti politik pertama di Tanah Melayu yang ditubuhkan pada tahun 1945 di Ipoh oleh Mokhtarudin Laso dan Ahmad Boestamam

⁹ Parti ini ditubuhkan pada tahun 1946 oleh Dato’ Onn Jaafar di Johor Bahru.

“sekarang susunlah barisan dinda
membantu beta berjuang mara
bersama-sama menuju bahagia
membela bonda dari dinoda”

(*Seruan Pemuda; Majlis*, 6 September 1946)

Biarpun telah diungkapkan dalam sajak berkenaan tentang perihal pentingnya para belia bangun menentang penjajah nama beliau tidak berpuas hati dan lantas mesej nasionalisme itu dilontarkan juga dalam ceramah/pidatonya sebagaimana yang dipaparkan dalam salah satu ucapannya;

“Kalau kita masih mahu bertolak ansur dan mahu tunduk kepada penjajah dan mahu menerima perjanjian ini (MU) sudah barang tentu bangsa Melayu hanyut tinggal satu kaum sahaja... kita rakyat Melayu tidak rela diperbudak-budakkan selama, dan tibalah masanya kita bangun menentang.” (*Ibid.*)

Dalam persoalan kemajuan Melayu, ZM meneliti peredaran dunia dengan mata hati dan lantas merenungi bangsanya yang masih asyik mengepung angan-angan sedangkan masa bergerak pantas. Baginya masa itu emas. Melayu perlu mengejar masa dan merebut nikmat Tuhan untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. Lihat sajaknya bertajuk *Edaran Dunia* yang membimbangkan ZM terhadap kealpaan bangsanya;

Tetapi kenapa?
bangsa ku menonton dia
laksana bayang-bayangan
tak memberi kesan pengajar!
mereka asyik ria
dilambung angan-angan
(PBSZMDPI : 173/ *Majlis*, 10 Sept.1946)

Pemikiran ZM yang menjurus terhadap aspek nasionalisme begitu dominan di dalam sajak-sajak beliau. Misalnya, sajak *Penderitaan kita* (PBSZMDPI: 177/ *Medan Masyarakat*, 5 Mac 1947) menggambarkan perasaan marah ZM terhadap penjajah. Dengan bahasa yang kurang puitis beliau meluahkan kemarahaninya tanpa berselindung;

Bercerai-berceraian rakyat murba merata ceruk
“Pecah-pecahan kemudian perintah” cita-cita busuk
Asas penjajah menipu rakyat mendaya murba
Menjadikan bangsa gah mulia budak hamba

Pekik jerit ke sana sini menderita sengsara
Mulia hina sama terlantar terkatung-katung
Di main-main penjajah keji terlambung-lambung
Berbagai-bagai rupa ragam penanggungan kita
Lemah pena mengubah madah melukis kata

ZM sedar bahawa penjajah memain-mainkan peribumi dan menjadikan mereka sebagai kuli di negara sendiri dengan melaksanakan sistem pentadbiran yang menguntungkan Inggeris melalui dasar pecah dan perintah. Kesedaran ini telah menimbulkan inspirasi kepada ZM dengan mengajak orang Melayu bersatu serta berjuang menentang penjajah. Katanya;

Biar berjauhan berlainan daerah rantau dan negeri
Bersama berjuang bersungguh hati beramai-ramai
Berteguh setia bersatu padu berikat simpai
Menuju cita-cita kemuliaan bangsa dan tanah air
(PBSZMDPI : 178/ “Penderitaan kita” :
Medan Masyarakat, 5Mac 1947)

Pesanan, nasihat dan seruan dinyatakan ZM dalam sajak-sajaknya termasuk ditujukan khas kepada para pelajar kerana beliau sedar bahawa generasi baru seperti belia dan pelajar adalah golongan pelapis yang bakal memimpin negara. Justeru aspek pemikiran nasionalisme ZM dapat dianalisis menerusi sajak; *Oh Penuntut* yang tersiar dalam akhbar *Majlis* pada 14 Disember 1946 menggesa agar penuntut di menara gading atau yang masih belajar di sekolah bangkit memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. ZM dalam *Oh Penuntut* membicarakan mengenai kebangkitan pelajar dan kemerdekaan tanah air. Jelasnya;

Menulis melukis merenung tepat
Kepada buku penyuluhan jalan

.....

.....

Tetapi dikau bertanggung berat
Dalam membina kemerdekaan

(PBSZMDPI: 174)

Nyata sekali para pelajar digesa menuntut kemerdekaan sebagai suatu tanggungjawab walaupun pada waktu yang sama tanggungjawab mereka adalah belajar. Ujar ZM memujuk dan lunak bunyinya;

Teruskan segera perjuangan saudara
Di medan pelajaran maha luas
Yakin dan tabah menuju cita

.....

.....

.....

Kemerdekaan raya dikaulah pembela
Memberi bukti setia
Berjuang bersama angkatan baru.

(PBSZMdPI: 175)

Kajian ini berhasil menemukan sembilan sajak iaitu *Alangkah Indahnya*, *Seruan Pemuda*, *Edaran Dunia*, *Zaman yang Kurindui*, *Oh Penuntut*, *Tahun Baharu*, *Watanku Indah*, *Penderitaan Kita* dan *Bangunlah* yang membawa mesej nasionalisme yang menjadi “ikon” pemikiran ZM dalam sajak-sajaknya. Mesej nasionalisme mendominasi sajak-sajak ZM kerana ketika karya tersebut dihasilkan Tanah Melayu sedang bergelora dengan semangat kebangsaan dalam situasi menuntut kemerdekaan.

Konsep Islam

Agama Islam mempunyai sistem hidup yang tersusun dan mempunyai prinsip-prinsip yang tetap. Dalam Islam, menurut Al-Maududi, seorang tokoh terkenal gerakan Islam di Pakistan bahawa terdapat tiga prinsip yang tetap iaitu *Tauhid*, *Risalah* dan *Khalifah* (Mustapha Haji Daud, 1989: 31-32). *Tauhid* bermaksud percayakan Allah SWT adalah Tuhan yang wajib disembah dan pentadbir sekalian alam merupakan prinsip utama dalam Islam. Manusia perlu menjalankan tanggungjawabnya kepada Allah SWT dengan mentaati-Nya kerana mereka dijadikan di muka bumi menyembah Allah SWT seperti dalam suruh al-Dzariyat ayat 56:

“Dan tidak Aku (Allah) mencipta jin dan manusia melainkan supaya menyembah-Ku”.

Di samping itu, manusia juga mesti berlaku adil dalam hubungan dengan manusia dan alam, tidak melakukan kerosakan dan akhirnya perlulah ikhlas dalam setiap perkara. Setelah risalah tauhid disampaikan kepada mereka maka manusialah yang perlu mengadakan undang-undang yang boleh dimanfaatkan kepada semua rakyat. Walaupun manusia telah menjadi khalifah Allah (pemimpin) bagi mengatur perjalanan alam namun tidak bermakna bahawa mereka lah berkuasa sepenuhnya.

Manusia masih lagi berada di bawah kekuasaan atau undang-undang Allah SWT. Tidak ada sesiapapun di atas muka bumi ini yang boleh menandingi undang-undang yang telah digubal-Nya sepetimana yang tertera di dalam al-Quran. Pembentukan negara Islam berasaskan institusi khalifah yang mewajibkan perlaksanaan undang-undang Islam.

Setiap konsep yang hendak disesuaikan dengan Islam tidak boleh terlepas daripada landasan *Hasanah Fi al-Dunya wa Hasanah fi al-'Akhirah* yang bermaksud kehidupan manusia akan bersambung ke alam akhirat, iaitu alam penerimaan balasan yang kekal abadi. Dalam Islam, manusia mempunyai dua unsur yang perlu diseimbangkan iaitu jasmani dan rohani.

Justeru jika ingin membentuk konsep politik Islam misalnya, perlu mengambil kira faktor di atas walaupun Islam tidak menetapkan cara dan bentuk perlaksanaannya. Apa yang wajar dilakukan ialah melihat ciri-ciri politik yang sesuai seperti *khalifah*, *syura* dan *bai'ah* yang seharusnya menjadi panduan dan pedoman dalam melaksanakan cita-cita politik Islam yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah Rasul Allah SAW. Ini dapat dilihat dalam surah al-Hadid ayat 25 iaitu:

“Sesungguhnya kami telah mengutuskan Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai-bagai manfaat bagi manusia”.

Jadi jelas bahawa al-Quran merupakan sumber kepada undang-undang Islam dan neraca merupakan keadilan yang wajar dilakukan dalam segala perlaksanaan undang-undang di dalam pentadbiran atau institusi khalifah. Besi pula adalah lambang kekuatan yang merupakan

dasar pemerintahan Islam yang bakal menjamin keamanan, kemakmuran dan keadilan sejagat (*ibid*: 36).

Kekuatan inilah sepatutnya ada dalam sesuatu pemerintahan agar dapat menentang segala kejahatan, kezaliman dan sebagainya. Matlamat pemerintahan Islam supaya menyediakan ruang selesa kepada manusia untuk mencapai *al-falah* iaitu kesejahteraan, keberuntungan dan kemenangan di dunia dan di akhirat.

Mesej Islam

Selain mesej nasionalisme, tema berlandaskan agama Islam turut menjadi mesej penting dalam sajak-sajak ZM. Selaras dengan pendidikan agama dan jiwa yang tebal dengan keIslamam, ZM berjuang menegakkan pemerintahan Islam di Tanah Melayu. Katanya; “Di dalam perjuangan saya, dan sekarang ini dalam PAS, kalah menang dalam pilihan raya nanti bukan soal saya, yang saya mesti sedar sebelum saya meninggal dunia ini ialah saya mahu menjalankan kerja-kerja Allah SWT.” (*Suara Islam*, Dis 1961).

Kenyataan demikian menggambarkan betapa ZM amat mencintai Islam. Kecintaan ini dirakamkan dalam beberapa kumpulan sajaknya. Lihat *Aku Merintih* dengan penuh keinsafan dia menyuarakan kepuluannya kerana ajaran Islam telah mula “ditinggalkan” oleh umatnya:

Ini umatmu, bercukup dengan rumah ibadat
dengan riuh bacaan, dengan teriak suara semata
lupa pada amal, pada kerja mencipta
inilah umatmu, hina berbungkar kesatuan pengikat
aduh aku merintih padamu Nabi...
bila Quran kembali digunakan di hayat kami?

(PBSZMDPI:182/
Utusan Melayu, 13 Jun 1959)

Pemikiran reformis ZM dalam Islam memang diperakui. Beliau menolak pemikiran yang berasaskan Barat seperti pendapat Darwin, Marx, Comte dan Aristotle. Dalam bidang falsafah, ZM lebih suka menekankan kepada tiga aspek iaitu Tuhan, alam dan manusia. Justeru tujuan hidup manusia menurut Islam semata-mata adalah untuk

menyembah Allah SWT dan untuk pengertian itu, ZM bermadah begini:

Aku datang, aku mengerang, aku pulang
kerana-Nya dan untuk-Nya
(PBSZMDPI: 184 / "Aku Hamba Tuhanku ",
Berita Minggu, 27 Mac 1961)

Bagi ZM, Islam memiliki unsur-unsur keadilan, kesejahteraan, kebahagiaan, kebijaksanaan dan pemeliharaan kepentingan umat manusia yang menganut agama Islam dan yang bukan Islam. Agama Islam yang menjadi rahmat kepada sekalian alam telah dijadikan dasar perjuangannya yang dinukilkhan dalam sebuah esei yang dipetik seperti berikut:

"Matlamat perjuangan kita telah tidak asing lagi ialah kepada masyarakat, iaitu menegakkan sebuah negara yang menjalankan hukum-hukum Allah dan Rasul di dalam negeri dan berusaha bagi mengembalikan hak-hak kebangsaan Melayu sebagai tuan punya tanah air ini..."

Kenyataan di atas mencerminkan sikap ZM terhadap Islam dan tanggungjawabnya kepada nusa bangsa. Falsafah perjuangan itulah yang digarap dan dinyatakan dalam sajak *Derita* (PBSZMDPI: 180 / *Bingkisan* Lembaga Pembangun Sastera Perak [LEPAS]) yang dinyatakan begini;

Hanya iman- pada kuasa Rabbani
Pencipta insan, di maya bergelora ini
Menjadi bibit dibawa maya jiwa
Kembali bangkit memula usaha penyampai cita
Sebab derita hanya sementara
Menguji tenaga pejuang muda remaja
Siapa lemah, rebah di guling derita
Yang tabah berserah, mencapai cita raya!

Mesej Islam dalam sajak-sajak ZM dapat menggambarkan kewujudan pelbagai isu dan persoalan keagamaan yang melanda umat Islam ketika itu. Justeru kajian ini mendapati hanya tiga buah sajaknya iaitu *Derita*, *Aku Merintih* dan *Aku Hamba Tuhanku* tepu dengan mesej keislaman.

Kesimpulan

Kajian terhadap sajak-sajak dalam buku PBSZMDPI telah menemukan pemikiran ZM yang menjurus kepada aspek nasionalisme dan Islam yang selari dengan perjuangannya di luar teks kajian. Kedua-dua mesej yang disampaikan di dalam 13 kuntum sajak beliau amat bererti dan berkesan terhadap zaman ketika karya tersebut dihasilkan. Hal ini kerana pada masa itu persoalan nasionalisme yang berkaitan dengan kedaulatan negara, penjajahan, antikolonialisme, kemerdekaan serta pembentukan negara bangsa (*nation state*) merupakan topik kontemporari yang dibicarakan sepanjang masa.

Mesej ini terakam dalam sajak-sajak ZM sehingga kini menjadi dokumentasi sekali gus sebagai rujukan dalam menyelusuri sejarah kebangkitan semangat kebangsaan di negara ini membuktikan bahawa sajak turut menyumbang ke arah pembentukan sebuah negara bangsa.

Apatah lagi ZM adalah seorang nasionalis dan pejuang politik yang begitu menonjol pada era pra dan pasca merdeka serta dikenali sebagai ulama muda yang berjiwa progresif, berpegang kepada ajaran al-Quran dan Hadis dengan sendirinya telah membentuk mesej sajak-sajaknya cenderung terhadap dua aspek pemikiran tersebut.

Meskipun begitu, aspek nasionalisme agak dominan dalam sajak-sajak ZM kerana suasana persekitaran ketika itu – negara masih dibelenggu penjajahan dan mendorong beliau menulis tentang isu yang berhubung kait dengan semangat kebangsaan, patriotisme serta gerakan membebaskan tanah air daripada penjajahan.

Bibliografi

- A.Karim Abdullah dan Abu Zaki Fadzil. 1975. *Gema Suci Segugus Puisi Almarhum Prof Zulkifli Muhammad*. Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agency.
- Chamber, et al. 1994. *Migrancy, Culture, Identity*. London: Routledge.
- Deutsch. 1966. *Nationalisme and Social Communication*. England: The MIT Press.
- H.B Jassin. 1953. *Tifa Penyair dan Daerahnya*. Jakarta: Gunung Agung.
- Han Kohn. 1969. *The Idea of Nationalisme*. Ontario, Canada: The Macmillan Company.
- Henry Guntur Tarigan. 1984. *Prinsip-prinsip Dasar Sastera*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Kapur A.C. 2004. *Principles of Political Science*. New Delhi: S.Chand and Company.
- Khadijah Mohd Hambali. 1990. *Pengaruh Al-Azhar Terhadap Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia* (Latihan Ilmiah B.A Hons) Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mana Sikana. 2005. *Teori Sastera Kontemporari*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mokhtar Petah. 1983. *Zulkifli Muhammad: Pelopor Angkatan Islam Malaysia*. Subang Jaya : Tra-tra Publishing & Trading Co.
- Mokhtar Petah. 2010. *Wasiat Perjuangan Zulkifli Muhammad*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru/ IKDAS .
- Mustafa Haji Daud. 1989. *Pemikiran Politik dan Ekonomi al-Maududi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sinfield Alan. 1992. “Art as Cultural Production”. Dlm. Wolfreys, Julian (ed), *Literary Theories*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Smith A.D. 1977. *Nationalisme in Twentieth Century*. Bungay: The Chaucer Press.

Suara Islam Edisi Disember. 1961.

Talib Samat. 1998. *Motivasi dan Jihat Umat Islam Alaf Baru*. Kuala Lumpur ;Thinker's Library.

Talib Samat. 2002. *Pemikiran Bahasa dan Sastera Zulkifli Muhammad dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Terjemahan Al-Quran Al-Karim. 2009. Batu Caves: Al-Hidayah House Of Qur'an Sdn. Bhd.

Zabidin Haji Ismail. 1993. "Mengingati Gemulah Zulkifli Muhammad" dlm. *Berita Harian*, 17 Mei 1993.

Zabidin Haji Ismail. 2013. "Prof Dato' Dr Zulkifli Muhammad: ulama, penulis, penyair, pemikir, politikus dan pejuang Islam". Dlm. *30 Tokoh Tersohor Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Rasyaqierra Publication & Distributors.

Zulkifli Muhammad. 1968. *Analisa Tentang Beberapa Masalah Hidup Manusia*. Pulau Pinang: Pustaka H. Abdullah B.M Nordin Arrawi.